

## **Entri bajau dalam kamus dewan edisi ke-4, cetakan ke-6 (2015)**

### **ABSTRACT**

Salah satu aspek yang menjadi tumpuan dalam perkamusan ialah kosa kata. Leksikografi atau juga dikenali sebagai ilmu perkamusan merupakan satu disiplin yang mengkaji seni dan ilmu penyusunan kamus (Crystal 1992, Hartman 1993, Sterkenburg, 2003). Selain mengkaji ilmu penyusunan kamus, leksikografi juga membuat pemerian dan penjelasan kosa kata sesuatu bahasa atau pelbagai bahasa (Hartman 1993, Sterkenburg, 2003). Bidang leksikografi berkait dengan dua perkara, iaitu kajian mengenai perkataan dan seni dalam ilmu penyusunan kamus. Kamus merupakan catatan dokumen yang menghimpunkan sebahagian besar kosa kata yang digunakan oleh penutur pada satu-satu masa. Catatan kosa kata dalam sebuah kamus seiring dengan sejarah dan peristiwa yang berlaku ketika itu. Oleh itu, kamus bukan sekadar menjadi tempat rujukan bagi mengetahui betul atau salah dari segi ejaan atau makna perkataan, bahkan kamus memberi gambaran peristiwa dan sejarah yang berlaku dalam sesuatu masa.